



POLISI PENGURUSAN HADIAH

Kementerian Sumber Asli Dan Pembangunan Bandar Sarawak (MUDeNR) sangat komited dalam memastikan segala urusan perkhidmatan di Kementerian ini dilaksanakan dengan penuh berintegriti dan beretika.

Bagi merealisasikan Visi Kementerian Yang Bebas Rasuah, MUDeNR komited melaksanakan perkara-perkara berikut;

1. Mematuhi sepenuhnya Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2021 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2022 dan Garis Panduan Pengurusan Hadiah Untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS).
2. Warga MUDeNR dilarang menerima atau memberi apa-apa hadiah atau membenarkan isteri atas suaminya atau mana-mana orang lain menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan tugas awamnya yang mana, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah.
3. Sekiranya dalam keadaan tertentu penolakan hadiah yang ada kaitan dengan tugas awam, akan mengaibkan pemberi hadiah atau menjejaskan hubungan profesional, warga MUDeNR boleh menerima hadiah tersebut dan hendaklah melapor secara bertulis dengan segera kepada Setiausaha Tetap atau Setiausaha Kerajaan Sarawak untuk pertimbangan tertakluk kepada amaun atau nilai hadiah tersebut.
4. Penerimaan hadiah dalam keadaan ragu-ragu sama ada bentuk, amaun atau nilai hadiah yang sepadan atau tidak sepadan, atau boleh menimbulkan masalah berkaitan tanggungjawab sebagai pegawai awam atau boleh menimbulkan syak wasangka bagi dirinya atau orang lain; maka warga MUDeNR boleh melaporkan secara bertulis kepada Setiausaha Tetap untuk pertimbangan.

Warga Kerja MUDeNR dan mana-mana individu serta pihak berkepentingan dengan MUDeNR perlu memahami dan mematuhi polisi ini.

Kegagalan warga MUDeNR mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib manakala kegagalan mana-mana individu serta pihak berkepentingan mematuhi polisi ini, maka pihak MUDeNR akan melaporkan kepada Badan/Agensi Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut.

Diluluskan Oleh:

DATU HAJI ABDULLAH BIN JULAIHI
Setiausaha Tetap

Kementerian Sumber Asli Dan Pembangunan Bandar

Tarikh: 11 MAR 2026